

# TRI-LUCENT CREAM

Hydroquinone/ Tretinoin/ Fluocinolone Acetonide (4% w/w / 0.05% w/w / 0.01% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tri-Lucent Cream
2. Bagaimana Tri-Lucent Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Tri-Lucent Cream
4. Cara menggunakan Tri-Lucent Cream
5. Semasa menggunakan Tri-Lucent Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tri-Lucent Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Tri-Lucent Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Tri-Lucent Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Tri-Lucent Cream

Tri-Lucent Cream adalah satu kombinasi tiga terapi topikal untuk jangka masa pendek rawatan melasma (tompok perang hingga perang-kelabu) pada peringkat sederhana hingga teuk pada muka, digunakan bersama langkah-langkah untuk mengelakkan diri daripada terdedah kepada sinaran cahaya matahari, seperti penggunaan produk pelindung matahari.

## Bagaimana Tri-Lucent Cream berfungsi

Tri-Lucent Cream mengandungi tiga bahan aktif yang dapat membantu mengurangkan tompok-tompok gelap pada muka yang disebabkan oleh melasma pada peringkat sederhana hingga teruk.

Tiga bahan aktif tersebut ialah:

- Fluocinolone acetonide adalah agen anti-keradangan yang berpotensi rendah.
- Hydroquinone adalah sejenis agen pemutihan (penyahpigmen).
- Tretinoin adalah sejenis vitamin A.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Tri-Lucent Cream

### -Bila tidak boleh digunakan

Jangan menggunakan Tri-Lucent Cream jika anda mempunyai reaksi alahan kepada:

- Sulfites, kerana anda mungkin mempunyai reaksi alahan yang serius.
- Mana-mana bahan seperti yang disenaraikan di hujung risalah ini.

Anda juga harus tahu bahawa penggunaan Tri-Lucent Cream di kalangan wanita hamil boleh menyebabkan kecacatan pada bayi.

Beritahu doktor anda jika anda mengandungi, mungkin mengandungi atau merancang untuk mengandungi.

Tri-Lucent Cream mengandungi kortikosteroid yang boleh menghasilkan kesan berbalik pada kelenjar adrenal, iaitu penekanan paksi 'hypothalamic-pituitary-adrenal' (HPA), oleh itu, beritahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang keadaan kesihatan yang boleh menjejaskan fungsi adrenal anda, seperti penyakit Addison, tahap gula dalam darah tinggi, kehadiran gula dalam air kencing.

Jika penekanan paksi HPA berlaku, penggunaan Tri-Lucent cream perlu diberhentikan.

### -Sebelum mula mengambil

Berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat atau krim topikal yang lain sebelum menggunakan Tri-Lucent Cream.

Bagi ibu menyusu, perlu berhati-hati mengambil Tri-Lucent Cream bagi mengelakkan sentuhan antara bayi yang sedang menyusu dan Tri-Lucent Cream.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Anda harus berhati-hati jika anda menggunakan sabun dan pencuci yang kasar atau berubat, sabun dan kosmetik yang menyebabkan kekeringan, produk yang mempunyai kepekatan alkohol dan astringen yang tinggi dan perengsa lain atau mana-mana ubat penipisan kulit semasa menggunakan Tri-Lucent Cream. Penggunaan ubat-ubat lain yang mengandungi bahan yang sensitif kepada cahaya harus dielakkan.

## Cara menggunakan Tri-Lucent Cream

### -Berapa banyak harus digunakan

Sapukan satu lapisan nipis pada bahagian tompokan gelap. Sapukan juga kira-kira ½ inci Tri-Lucent Cream di sekitar kawasan berkenaan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### -Bila perlu digunakan

Sapukan Tri-Lucent Cream pada waktu malam, sekurang-kurangnya 30 minit sebelum waktu tidur.

# TRI-LUCENT CREAM

Hydroquinone/ Tretinoin/ Fluocinolone Acetonide (4% w/w / 0.05% w/w / 0.01% w/w)

Ikuti langkah-langkah berikut:

- Cuci muka dengan menggunakan pencuci muka yang lembut. Bilas dan lap sehingga kulit anda kering.
- Sapukan satu lapisan nipis pada bahagian tompokan gelap. Sapukan juga kira-kira ½ inci Tri-Lucent Cream di sekitar kawasan berkenaan.
- Setelah anda gunakan untuk beberapa kali, anda mungkin mendapati bahawa penggunaan kuantiti yang kurang sedikit sudah memadai. Sapu ubat secara perlahan-lahan dan sekata sehingga meresap ke dalam kulit anda. Jika ubat masih kelihatan, anda telah menggunakannya dengan terlalu banyak.
- Pastikan ubat tidak terkena pada kawasan mata, hidung dan mulut. Sapukan ubat menjauhi kawasan-kawasan ini semasa menggunakannya.
- Jangan tutup kawasan yang dirawat dengan sebarang benda selepas menggunakan Tri-Lucent Cream.
- Untuk membantu mengelakkan kekeringan kulit, anda boleh menggunakan pelembap pada waktu pagi selepas mencuci muka anda.

## -Berapa lama perlu digunakan

Tri-Lucent Cream adalah satu rawatan jangka masa pendek.

## -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jangan gunakan Tri-Lucent Cream pada dos atau kekerapan yang melebihi apa yang disyorkan oleh doktor anda. Penggunaan Tri-Lucent Cream yang berlebihan boleh menyebabkan iritasi pada kulit dan tidak akan memberi hasil yang lebih cepat atau lebih baik.

Jika kemerahan terjadi secara ketara, mengelupas, atau tidak selesa berlaku di kawasan penggunaan, Tri-Lucent Cream harus digunakan kurang kerap atau dihentikan. Rawatan simptomatik akan ditetapkan mengikut preskripsi yang sesuai.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## **Semasa menggunakan Tri-Lucent Cream**

### -Perkara yang perlu dilakukan

Lindungi kulit anda daripada sinaran cahaya matahari untuk membantu mencegah tompok daripada menjadi lebih gelap dan pembentukan tompok yang baru.

Gunakan pelindung (seperti topi bertepi lebar) dan efektif setiap kali anda berada di luar, walaupun pada cuaca yang berjerebu danindungi bahagian yang dirawat daripada sinaran cahaya matahari.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Semasa menggunakan Tri-Lucent Cream, anda perlu:

- Elakkan bahagian yang dirawat daripada sinaran cahaya matahari dan cahaya ultraungu. Tri-Lucent Cream boleh menjadikan kulit anda lebih cenderung untuk dapatkan selaran matahari atau memberi kesan lain yang tidak diingini daripada

cahaya matahari semula jadi atau cahaya matahari tiruan (seperti lampu ultralembayung atau alat penggelap kulit).

- Elakkan penggunaan produk yang boleh mengeringkan atau merengsakan kulit. (Produk beralkohol atau sabun yang tertentu).

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Kulit yang dirawat dengan Tri-Lucent Cream boleh menjadi lebih peka terhadap suhu panas dan sejuk berbanding kulit yang tidak dirawat. Jika berlaku hipersensitiviti atau kerengsaan kimia, penggunaan ubat ini perlu dihentikan dan segera berjumpa doktor. Doktor anda boleh mengesyorkan beberapa kaedah bagi menangani keadaan melasma anda dalam situasi ini.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Tri-Lucent Cream boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan. Ia selalunya adalah ringan dan sementara tetapi sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan.

Kulit anda mungkin mengalami iritasi ringan hingga sederhana:

- Kemerahan
- Pengelupasan
- Rasa pedih
- Kering
- Gatal

Pesakit tertentu mungkin boleh mengalami reaksi alahan yang sangat teruk terhadap Tri-Lucent Cream kerana sensitif kepada sulfite yang terkandung dalam ubat ini.

Tri-Lucent Cream juga boleh menyebabkan kulit berubah menjadi gelap (biru kehitaman) secara beransur-ansur. Jika ini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini serta-merta dan berjumpa dengan doktor anda.

# TRI-LUCENT CREAM

Hydroquinone/ Tretinoin/ Fluocinolone Acetonide (4% w/w / 0.05% w/w / 0.01% w/w)

---

Jumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda mempunyai sebarang masalah semasa menggunakan Tri-Lucent Cream, walaupun pada anda masalah tersebut tidak mempunyai kaitan dengan ubat ini atau masalah tersebut tidak tersenarai dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety.*)

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Tri-Lucent Cream**

### -Penyimpanan

Pastikan tiub tertutup rapat. Jauhkan daripada cahaya. Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna

Tri-Lucent Cream adalah krim berwarna oren yang legap dan likat dengan bau yang tersendiri.

Tri-Lucent Cream terdapat di dalam tiub aluminium 15g.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:

Setiap tiub mengandungi 4% w/w Hydroquinone, 0.05% w/w Tretinoin dan 0.01% w/w Fluocinolone Acetonide.

-Bahan-bahan tidak aktif:

Propylparaben, Methylparaben, Lycopene, Titanium Dioxide, Lactic Acid, Polyethylene Glycol 400, Butylated Hydroxytoluene, Sodium Metabisulfite, Xanthan Gum, Polysorbate 60, Sorbitan Monostearate, Aluminium Oxide, Dicaprylyl Carbonate, Simethicone, Cetearyl Glucoside (and) Cetearyl Alcohol, Cetostearyl Alcohol, Cetyl Palmitate, Alcohol dan Purified Water.

### -Nombor MAL:

MAL12065083AZ

### **Pengilang**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk:**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

-20/04/2017

### **Nombor siri:**

BPFK(R4/1)040417/0005